



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

### 204 TINDAKAN UNDANG-UNDANG DIKENAKAN TERHADAP PREMIS GAGAL PATUHI AKAS 1974 SEPANJANG OPS AIR RAYA 2022

---

1. **PUTRAJAYA, 14 JULAI 2022** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus mempergiatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan-Peraturan di bawahnya ke atas punca-punca pencemaran dan di kawasan '*hot spot*' bagi mencegah kejadian pencemaran alam sekitar sepanjang musim perayaan terutamanya daripada aktiviti industri yang membuang/ melepaskan efluen perindustrian tidak terolah, pelupusan haram buangan toksik dan merbahaya (buangan terjadual), pembakaran terbuka dan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar.
2. Sepanjang Ops Air Raya yang diadakan di seluruh negara bermula 1 hingga 7 Julai 2022, sebanyak **275 premis dari sepuluh (10) sektor industri yang dikenalpasti mempunyai tahap pematuhan rendah kepada AKAS 1974** iaitu sektor industri penyudahan logam dan salur elektrik, kertas, pengilangan logam, plastik, galian bukan logam, penapisan minyak makan, makanan dan minuman, kimia, berasaskan getah dan penapisan petroleum telah diperiksa.
3. Sebanyak **204 tindakan undang-undang** telah diambil ke atas premis-premis yang gagal mematuhi AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang merangkumi **71 notis arahan, 126 kompaun** berjumlah RM252,000 dikeluarkan, **4 penahanan operasi kelengkapan** dan **3 kes untuk penyediaan kertas siasatan** bagi tujuan pendakwaan. Antara **kesalahan yang sering dilakukan adalah gagal menguruskan buangan terjadual (BT)** sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
4. JAS ingin menegaskan bahawa **pengurusan BT perlu diberi perhatian yang serius mengikut undang-undang dan garis panduan serta dikitar semula,**

**diperoleh kembali atau dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS sahaja.** Ini adalah kerana BT boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada manusia serta pencemaran air, udara dan tanah. Pihak industri dilarang sama sekali melupuskan buangan terjadual secara haram. Tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pihak yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara mandatori sehingga 5 tahun dan denda maksimum RM500,000.

5. JAS juga menegaskan bahawa **tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan pencemaran sungai yang menjadi sumber bekalan air.** Dalam hal ini, premis yang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 25, AKAS 1974 iaitu berkaitan pencemaran air boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
6. Pelaksanaan Ops Air Raya kali ini melibatkan kekuatan 86 pasukan penguatkuasa merangkumi 235 anggota penguatkuasa JAS dari seluruh negara dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, antaranya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dan lain-lain. Dalam hal ini, JAS menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi penguatkuasa yang telah memberikan kerjasama serta sokongan padu dalam menjayakan ops ini.
7. Saya sangat berterima kasih kepada orang awam yang membantu memberi maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang mencemarkan alam sekitar.
8. JAS sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

- Tamat -

**Wan Abdul Latiff Wan Jaffar**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar,  
Putrajaya  
14 Julai 2022

**Gambar-gambar pelaksanaan Ops Air Raya 2022 di seluruh negara**



Pemeriksaan di takat pelepasan premis pada waktu malam



Pemeriksaan di loji pengolahan efluen premis



Pengambilan sampel efluen oleh pegawai JAS



Pemeriksaan pengurusan buangan terjadual di premis



Sitaan di premis dan pengambilan sampel buangan terjadual



Pemeriksaan alat kawalan pencemaran udara di premis